



ANIS AYUNI ISMAIL mencium ibunya, Nik Mah Nik Kod selepas menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan dalam Pesta Konvokesyen UPM, Serdang, Selangor, kelmarin.

Tetap cemerlang walau bekerja sambil belajar

KUALA LUMPUR 25 Okt. - Selama tiga tahun melanjutkan pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM), Nur Anis Kamaruddin, 24, sanggup bekerja sambilan di kedai makanan segera berhampiran kampusnya setiap hari bagi menampung perbelanjaan kuliahnya.

Pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Manusia itu memperoleh pendapatan sekitar RM200 sebulan sejak 2011, selain terpaksa tidur sekitar empat jam sehari bagi memenuhi tuntutan sebagai pelajar dan pekerja.

Nur Anis yang berasal dari Pasir Mas, Kelantan kini tersenyum bangga apabila memperoleh keputusan Nilai Purata Gred Kumulatif (CGPA) 3.7 sempena Pesta Konvokesyen UPM ke-40.

Sementara itu, Anis Ayuni Ismail, 22, sanggup berulang-alik setiap hari dari rumah kakaknya di Putrajaya bagi menjaga ibu yang sedang sakit akibat strok, ternyata tidak menghalangnya untuk menggenggam segulung ijazah yang menjadi kebanggaan keluarga.

Pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan memperoleh keputusan CGPA 3.67, tidak pernah membataskan diri untuk terlibat dalam aktiviti kokurikulum, malah pernah mewakili universitinya dalam beberapa acara akademik sebelum ini.

"Saya pernah terfikir hendak berhenti belajar, bagaimana-pun ibu tetap mahu untuk saya teruskan juga dan saya percaya menjaga orang tua kita pasti ada keberkatan dan hikmah di sebalik apa yang berlaku," katanya.